

03/02/1998

Program basmi kemiskinan negara berkesan

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR, Isnin - Bank Dunia menyifatkan Malaysia sebagai satu 'kajian kes pelaksanaan cemerlang' yang membolehkan badan itu belajar dan bekerjasama pada masa akan datang, khususnya dalam usaha pembasmian kemiskinan.

Presidennya, James Wolfensohn, berkata ini berdasarkan pembabitan Bank Dunia dalam 99 projek pembasmian kemiskinan yang berjaya dilaksanakan dengan berkesan di negara ini.

"Pengalaman kami di Malaysia sebenarnya satu kajian kes," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di Carcosa Seri Negara, di sini, malam ini.

Wolfensohn dan Anwar kemudian menghadiri majlis makan malam. Turut serta isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail; Gabenor Bank Negara, Tan Sri Ahmad Mohd Don; dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Datuk Dr Aris Othman.

Wolfensohn berkata, dalam kes Malaysia, ia adalah kejayaan kerjasama antara bank serta kerajaan dan keistimewaan itulah yang ingin dipelajari badan berkenaan.

"Bank Dunia bukan saja berbangga untuk turut serta menjayakan projek berkenaan, malah kami berpendapat banyak yang boleh dipelajari daripada apa yang dilaksanakan kerajaan ini," katanya.

Berdasarkan laporan Bank Dunia, badan itu sudah mengeluarkan 99 pinjaman berjumlah RM12.6 bilion (AS\$2.8 bilion) bagi pelbagai projek dalam bidang pertanian, industri, pendidikan, buruh dan infrastruktur. Badan itu memberi bantuan kewangan sejak 1958.

Kira-kira 97 pinjaman sudah dilunaskan. Sejumlah RM11.7 bilion (AS\$2.6 bilion) sudah dijelaskan, manakala baki RM438.75 juta (AS\$97.5 juta) digunakan untuk projek pendidikan dan kesihatan.

Mengenai perbincangannya selama sejam dengan Anwar, Wolfensohn menyifatkannya sebagai satu perbincangan yang bermanfaat.

"Kami mengkaji dua aspek di peringkat serantau iaitu kerjasama dengan kerajaan dalam bidang kewangan dan pembasmian kemiskinan, yang juga fokus utama badan ini. Kami berbincang mengenai kemungkinan mewujudkan program bersama dalam bidang ini," katanya.

Mereka turut berbincang mengenai pengukuhan perlindungan sosial yang boleh dilaksanakan di kawasan luar bandar dan serantau.

Sementara itu, Anwar ketika diminta mengulas mengenai pembabitan Bank Dunia dalam program pembasmian kemiskinan menyuarakan rasa puas hatinya terhadap komitmen badan berkenaan.

"Bank Dunia memberi sokongan padu terhadap usaha membasmi kemiskinan di negara ini dan kita berharap bantuan dan sokongan ini akan berterusan," katanya.

Kunjungan Wolfensohn selama dua hari ke negara ini adalah dalam rangka lawatan beliau ke enam negara Asia Timur, bertujuan meninjau kesan krisis ekonomi di rantau ini dan menawarkan bantuan pemulihan sektor kewangan, sosial dan kerajaan.

Beliau sebelum ini mengunjungi Thailand dan Singapura.

Wolfensohn akan ke Indonesia, Filipina dan Korea Selatan selepas ini.

Presiden Bank Dunia itu dijadualkan bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri, pagi esok.

Beliau dijangka mengadakan sidang akhbar selepas pertemuan itu.

(END)